

PERJALANAN MENUJU SYURGA FIRDAUSI

Oleh: Muhammad Akmil bin Ahmad Nazri, 1171213,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 19 Ogos 2020



Firman Allah SWT dalam ayat 185 surah Ali Imran yang bermaksud, “Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari Kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga, maka sesungguhnya dia telah berjaya. Dan ingatlah bahawa kehidupan di dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.”

Seruan ayat ini menyebabkan kita berhenti sejenak untuk berfikir, apakah amalan yang boleh membawa kita ke syurga firdausi yang diimpikan oleh seluruh umat Islam?

Pensyarah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Dr Mohd Shukri Hanapi menyatakan bahawa tanpa kita sedari, sebenarnya banyak amalan yang mengundang rahmat Allah SWT.

Sebagai contoh, beliau menceritakan bahawa jumlah jemaah yang hadir untuk solat jenazah Allahyarham Ustaz Murtadha Yusuf sungguh luar biasa. Allahyarham Ustaz Murtadha tidak meninggalkan amalan membaca Surah Al-Mulk sebelum tidur.

Dalam hadis riwayat Abu Daud dan Al-Tirmidzi, daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW telah bersabda, “Sebahagian daripada al-Quran ada satu surah yang jumlah ayatnya tiga puluh ayat semuanya, surah ini dapat memberikan pertolongan kepada orang yang membacanya sehingga diampunkan segala dosa-dosanya, surah itu ialah “Al-Mulk.”

“Arwah merupakan seorang insan yang sangat menjaga hubungan silaturahim dengan semua orang dan turut memuliakan guru-gurunya,” kata Nurulana Shafie, balu arwah.



Dalam hadis riwayat Al-Tirmidzi, “Jika seorang insan meninggal, maka terputuslah amalannya kecuali tiga iaitu sedekah yang mengalir, ilmu yang bermanfaat dan anak yang selalu mendoakan.”

“Satu lagi contoh adalah Allahyarham Ustaz Jefri Buchori, pendakwah terkenal Indonesia.”

“Arwah pernah terjebak dengan aktiviti penagihan dadah tetapi segera bertaubat dengan menuntut ilmu di pondok,” tambah Mohd Shukri.

Taubat nasuha merupakan amalan yang sangat dinantikan oleh Allah SWT daripada hamba-Nya kerana kehidupan kita akan dimuliakan sehingga saat kita dijemput Ilahi.

Seruan itu bertepatan dengan firman Allah SWT dalam ayat 82, surah Toha yang bermaksud, “Dan sesungguhnya Aku yang amat memberi ampun kepada orang-orang yang bertaubat serta beriman dan beramal soleh, kemudian ia tetap teguh menurut petunjuk yang diberikan kepadanya.”

Rebutlah perjalanan menuju firdausi. Kita yang memilih dan menentukan bagaimana perjalanan hidup kita untuk meninggalkan dunia sementara ini. Adakah perjalanan kita menuju ke firdausi atau sebaliknya? Pilihan di tangan kita!